

SEJARAH DAN SPESIFIKASI KITAB TURATH JAWI “SULLAM AL-MUBTADI FI MA’RIFAH TARIQAH AL-MUHTADI” KARANGAN SYEIKH DAUD BIN ABDULLAH AL-FATANI

Saiful Anuar Ismail

P107660@siswa.ukm.edu.my

Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia

Muhammad Hilmi Jalil

hilmi@ukm.edu.my

Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Menelusuri arus pendidikan tradisional di Malaysia, masih terdapat kelas-kelas pengajian agama terutama di institusi pondok, madrasah, masjid, surau, sekolah agama dan kelas-kelas tafaqquh fiddin yang mengambil karya-karya kitab turath (kitab kuning lama) sama ada dalam bentuk bahasa arab atau tulisan Jawi Melayu klasik sebagai medium teks pengajian dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Kitab “Sullam Al-Mubtadi Fi Ma’rifah Tariqah Al-Muhtadi” karangan Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani tidak asing dan merupakan salah satu daripada sumber pengajian di institusi pengajian tradisional di Malaysia. Kajian ini bertujuan mengkaji sejarah dan spesifikasi kitab turath jawi “Sullam Al-Mubtadi Fi Ma’rifah Tariqah Al-Muhtadi” karangan Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani. Justeru kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui kajian kepustakaan yang melibatkan analisis terhadap premier serta sekunder seperti kitab-kitab lama, buku, artikel, jurnal, kertas kerja prosiding, latihan ilmiah, kertas projek, disertasi, tesis dan laman sesawang yang berkaitan dengan tajuk. Dapatkan dan hasil kajian ini mendapati bahawa Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani telah memberikan sumbangan baik dan murni terhadap bidang keilmuan agama terutama kepada masyarakat Islam Melayu di nusantara terutama melalui karya kitab ini. Malah hasil karya Kitab “Sullam Al-Mubtadi Fi Ma’rifah Tariqah Al-Muhtadi” ini terus dirujuk, diajar dan diguna pakai sehingga hari ini. Kajian ini mampu memberi input ilmu pengetahuan baru kepada generasi masa kini dan akan datang serta dapat mengetengahkan kembali sumber rujukan karya ulama dahulu.

Kata Kunci: Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani, Kitab Sullam Al-Mubtadi, Karya Silam Ulama Melayu Patani

HISTORY AND SPECIFICATIONS OF THE BOOK OF TURATH JAWI “SULLAM AL-MUBTADI FI MAR’IFAH TARIQAH AL-MUHTADI” BY SHEIKH DAUD BIN ABDULLAH AL-FATANI

ABSTRACT

Tracing the current of traditional education in Malaysia, there are still religious studies classes, especially in pondok institutions, madrasahs, mosques, suraus, religious schools and tafaqquh fiddin classes that take the works of kitab turath (old yellow book) either in language form. Arabic or classical Jawi Malay writing as a medium of study text in the process of learning and teaching. The book " Sullam Al-Mubtadi Fi Ma’rifah Tariqah Al-Muhtadi " written by Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani is not a foreign and is one of the sources of study in traditional educational institutions in Malaysia. This study aims to examine the history and specifications of the turath jawi book "Sullam Al-Mubtadi Fi Ma’rifah Tariqah Al- Muhtadi" by Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani. Thus this study uses a qualitative methodology through a literature review that involves analysis of primary and secondary such as old books, books, articles, journals, proceedings papers, scholarly exercises, project papers, dissertations, theses and websites related to the title. The findings and results of this study found that Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani has given a good and noble contribution to the field of religious knowledge, especially to the Malay Muslim community in the Nusantara, especially through this book. In fact, the work of the Book " Sullam Al-Mubtadi Fi Ma’rifah Tariqah Al-Muhtadi " continues to be referred, taught and used until today. This study is able to provide new knowledge input to the current and future generations and can highlight the reference sources of the works of previous scholars.

Keywords: Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani, Book of Sullam Al-Mubtadi, Past Paper Works of Malay Ulama Patani

PENGENALAN

Ilmu sejarah telah menjadi satu bidang kajian sejak zaman silam lagi. Hal ini adalah berdasarkan wujudnya penggunaan istilah sejarah yang jauh lebih awal lagi iaitu sebelum kurun kelapan belas, yang mana digunakan dalam

pelbagai peradaban dunia (misalnya historia, al-tarikh, salasilah, babad, hikayat, kisah dan siarah (sayyara) malah sejarah (syajarah) yang pada asasnya merujuk kepada atau diertikan sebagai sejarah itu sendiri (Muhd Yusof Ibrahim, 1998). Manakala secara umumnya sejarah itu pula diertikan sebagai keseluruhan masa lalu, catatan tentang masa lalu dan pengetahuan atau kajian tentangnya (Siti Noraisyah Ngadiran, 2012). Dari sudut etimologi, Kamus Dewan mendefinisikan sejarah sebagai sastera lama, asal-usul, riwayat, salasilah dan peristiwa yang benar-benar berlaku pada masa lampau (Noresah Baharom et al. 2007).

Menurut R. O. Winstedt (1878 – 1966 M), perkataan sejarah berasal dari bahasa Arab yang membawa makna salasilah, tawarikh dan babad (R. O. Winstedt, 1970). Dalam bahasa Arab, terdapat dua perkataan yang digunakan sebagai sejarah iaitu ‘ta’rikh’ dan ‘tarikh’. Penggunaan perkataan ‘ta’rikh’ adalah berasal dari akar kata ‘arrakha’ yang bermaksud penulisan sejarah (to write the history) (Munir Baalbaki, 2001). Ta’rikh juga didefinisikan sebagai catatan peristiwa yang dikaitkan dengan masa, waktu dan haribulan atau zaman. Manakala istilah ‘tarikh’ pula digunakan oleh bangsa Arab yang bermaksud sejarah secara umum, tahun-tahun dan kronologi (Mahayudin Hj Yahaya, 1984). Bagi istilah spesifikasi pula, menurut Kamus Ensiklopedia Jilid 2 (Hasan Hamzah, 1997), spesifikasi bermaksud butir-butir terperinci yang dinyatakan untuk sesuatu perkara atau perincian mengenai sesuatu perkara.

Dengan perincian takrif sejarah dan spesifikasi tersebut seperti di atas, kajian yang dilakukan ini adalah sebuah kajian bersifat ilmiah terhadap sejarah dan spesifikasi bagi kitab Sullam Al-Mubtadi Fi Ma’rifah Tariqah Al-Muhtadi karangan Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani dari segi kronologi dan asal usul penerbitan, personaliti penulis kitab ini, periyatatan yang merupakan rujukan keilmuan dan sejarah Islam serta pembahagian-pembahagian bab yang terkandung di dalamnya. Kitab Sullam Al-Mubtadi Fi Ma’rifah Tariqah Al-Muhtadi karangan Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani ini juga boleh diklasifikasi sebagai genre sejarah kerana banyak manuskrip asalnya disimpan di aras 11 bahagian pusat manuskrip di Perpustakaan Negara Malaysia.

KETOKOHAN SYEIKH DAUD BIN ABDULLAH AL-FATANI

Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani merupakan seorang tokoh dan pujangga Melayu hebat pada zamannya. Beliau adalah di antara pengarang Melayu yang mempunyai bakat dan banyak menghasilkan karya-karya Islam dalam pelbagai bidang keilmuan. Beliau bukan sahaja menghasilkan karya dalam Ilmu Fiqh tetapi juga dalam bidang tasawuf, usuluddin dan cerita nabi-nabi. Beliau dapat dikenalkan orang, pada masa yang sama kebanyakan murid-murid beliau apabila kembali ke tanah air masing-masing, mereka membawa kitab-kitab beliau untuk mengajar di tempat masing-masing (Abu Hassan Sham, 1991). Nama beliau tidak asing lagi bagi para penadah kitab/pengkaji dan peminat kitab-kitab Jawi. Kitab-kitab karangan beliau cukup terkenal dan diminati ramai (Ismail Che Daud, 1992). Kepelbagaiannya ini jarang ditemui pada pengarang-pengarang Melayu yang lain kerana kebanyakan mereka mahir dalam bidang-bidang tertentu sahaja sebagai contoh Hamzah Fansuri di dalam Ilmu Tasawuf, Abdul Rauf Al-Singkel dan Muhammad Arsyad Al-Banjari di dalam ilmu Fiqh (Abu Hassan Sham, 1991).

Beliau merupakan ulamak Fatani yang masyhur dan paling produktif di rantau nusantara ini kerana banyak menghasilkan kitab-kitab (Engku Ibrahim Ismail, 1992) dan sering dianggap sebagai pelopor penulisan ilmu-ilmu agama Islam sejarah dengan perkembangan Patani sebagai pusat pengajian dan tamadun kesasteraan Melayu yang berunsurkan Islam di Nusantara (Mohammad Zamberi Abdul Malik, 1994). Syeikh Daud adalah seorang pengarang terkemuka yang dikagumi kehandalannya menulis dan mengarang dalam suasana kesibukan di mana beliau telah dilantik sebagai Syeikh Haji di Makkah al-Mukarramah. Walaupun begitu hobinya menulis tetap diteruskan (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 1990).

Lantaran keistimewaan ini, beliau amat profilik sekali menghasilkan karya-karya. Beliau telah menghasilkan sekurang-kurangnya 101 buah karya yang terdiri dari berbagai-bagai bidang sama ada dalam bahasa Melayu (Jawi) dan Arab. Selain mengarang beliau juga mengajar. Semasa di Makkah beliau sangat masyur bukan sahaja di kalangan orang-orang Asia malah dikalangan bangsa-bangsa lain. Disamping status beliau sebagai guru, karya-karyanya itu adalah merupakan suatu usaha untuk menyebarkan dakwah Islamiah ke seluruh pelusuk Nusantara. Ini adalah melalui perantaraan murid-muridnya yang datang dari seluruh Nusantara untuk menuaikan Fardu Haji sambil mendalami ilmu agama di Makkah (Nawi Mamat, 2002).

SEJARAH KITAB SULLAM AL - MUBTADI

Kitab ini telah ditulis oleh Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani. Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani adalah seorang ikon masyarakat dan tokoh ulamak Melayu terkemuka yang telah mengembangkan syiar Islam di Nusantara pada sekitar akhir abad ke 18M dan pada awal abad ke 19M (Zamri Ghazali, 2011). Kitab Sullam al Mubtadi merupakan sebuah karya ditulis dengan aksara Arab Pegon (tulisan jawi) berbahasa Melayu. Judul lengkapnya Sullam al Mubtadi fi Ma’rifah Thariqah al Muhtadi yang bermaksud “ Tangga Bagi Orang Yang Memulai Belajar Dalam Mengetahui Jalan Orang Yang Mendapat Petunjuk. Judul kitab ini yang popular dipakai dalam versi cetak yang masih ada hingga saat ini.

Kitab Sullam Al-Mubtadi merupakan karya yang kecil tetapi merangkumi semua aspek kehidupan manusia iaitu aspek pegangan hidup atau akidah, aspek yang berkaitan dengan kelakuan amali seseorang, sama ada dalam bentuk kata-kata atau perbuatan dan aspek yang berkaitan dengan akhlak iaitu sifat peribadi sebagai seorang manusia (Mahmood Zuhdi Ab. Majid & Paizah Ismail (2006). Secara umumnya kitab Sullam Al-Mubtadi ini mengandungi tiga bahagian utama iaitu akidah, fiqh dan tasawuf (Saiful Anuar Bin Ismail. 2005). Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani menggabungkan ketiga-tiga ilmu dalam kitab Sullam Al-Mubtadi ini adalah berkemungkinan beliau melihat kepada keperluan para penuntut dan masyarakat Melayu pada zaman itu. Oleh itu, kitab ini perbincangannya bagi tiap-tiap topik sangat ringkas serta memadai bagi masyarakat awam untuk mempelajarinya (Rormuelee Lengsueni (2010). Hal ini telah dinyatakan oleh Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani pada pendahuluan kitab Sullam Al-Mubtadi, katanya (Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani (t.t):

“ Dan adapun kemudian dari itu, maka inilah satu risalah yang kecil susunannya, banyak faedahnya dan besar manfaatnya, dan lagi memadai bagi orang awam muslimin pada menyatakan barang yang wajib atas mereka itu belajar yang fardhu Ain ”

Walaupun perbincangan kitab Sullam Al-Mubtadi ringkas, tetapi ianya merupakan satu-satunya kitab yang memiliki bahagian fiqh yang paling komprehensif kerana Syeikh Daud Al-Fatani telah memuatkan keempat-empat bahagian hukum fiqh iaitu ibadah, muamalah, munakahat dan jenayah (Syed Salim Syed Shamsuddin et al. 2020) dan ia merangkumi seluruh perbahasan fiqh (Abdul Karim bin Pardon & Muhd Anuar bin Mamat. 2019).

Terdapat kitab yang merupakan syarah bagi kitab Sullam Al-Mubtadi. Kitab tersebut dikarang oleh cicit saudara Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani sendiri iaitu Muhammad Nur Bin Muhammad Bin Ismail Al-Fatani dalam tulisan jawi berjudul Kifayah Al-Muhtadi Fi Sharh Sullam Al-Mubtadi (Kifayah Al-Muhtadi pada menerangkan cahaya Sullam Al-Mubtadi (Wan Mohd Saghir Abdullah, 2001). Kitab ini yang merupakan syarah bagi Kitab Sullam Al-Mubtadi telah disusun dengan baik oleh Syeikh Muhammad Nur Bin Muhammad Bin Ismail Al-Fatani bagi memberi kemudahan kepada para pembaca dan diterangkan perkataan-perkataan yang sukar untuk difahami. Dimaklumkan oleh Syeikh Muhammad Nur Bin Muhammad Bin Ismail Al-Fatani, kitab Sullam Al-Mubtadi merupakan kitab jawi Melayu yang pertama sekali disyarah. Ini adalah berdasarkan tulisan dalam kitab Kifayah Al-Muhtadi Fi Sharh Sullam Al-Mubtadi karangannya bahawa kitab Kifayah Al-Muhtadi Fi Sharh Sullam Al-Mubtadi merupakan kitab Jawi Melayu pertama bagi menghuraikan (syarah) bagi kitab Sullam Al-Mubtadi (Muhammad Nur Bin Muhammad Bin Ismail Al-Fatani, 1351H). Kitab Kifayah Al-Muhtadi Fi Sharh Sullam Al-Mubtadi ini juga diberatkan sebagai sumber sekunder bagi memahami sumber primer (sumber utama) iaitu kitab Sullam Al-Mubtadi.

Sebagai contoh, analisis yang dilakukan oleh Mohd Faisal Mohamed et al (2017) bagi rukun yang pertama menurut Syeikh Daud Al-Fatani mengenai kontrak al-Bay' (jual beli) dalam kitab Sullam Al-Mubtadi seperti yang dinyatakan ialah : Syarat kontrak al-Bay' ialah sighah iaitu lafaz kontrak Ijab dan Qabul, lafaz Ijab seperti "aku jual kepada engkau" atau "aku pemilikkan kepada engkau" dan lafaz Qabul seperti "aku beli" atau "aku terima" atau "aku telah memiliki dari engkau". Tetapi lafaz bagi kontrak Ijarah, Syeikh Daud tidak menyebutkan secara jelas dalam kitab Sullam Al-Mubtadi. Ianya dapat dijelaskan melalui syarah kitabnya iaitu Kifayatul Muhtadi. Lafaz kontrak Ijarah adalah seperti "aku sewa barang ini kepada engkau selama satu bulan" maka penyewa berkata "aku terima" atau "aku sewa"(Muhammad Nur Bin Muhammad Bin Ismail Al-Fatani, 1351H). Disini dapat diketahui mengenai hubungan lafaz kontrak al-Bay' dan al-Ijarah adalah berbeza ketika memeterai kontrak, maka penggunaan lafaz ketika berlaku kontrak Ijarah tidak boleh digunakan lafaz kontrak al-Bay' Mohd Faisal Mohamed et al (2017).

SPESIFIKASI KITAB SULLAM AL - MUBTADI

Berikut adalah maklumat spesifik berkaitan kitab Sullam al-Mubtadi :

(1) Judul : سلم المبتدىء في معرفة طريقة المهدي

(Sullam Al - Mubtadi Fi Ma'rifati Toriqatil Muhtadi). Nama pengarang yang digunakan pada kulit muka ialah Al- 'Alim al- 'Allamah al-Hibrul Fahamah Maulana Wa Qudwatuna Asy-Syeikh Daud Ibnu Almarhum Syeikh 'Abdullah al-Fatani (Kulit Depan Kitab Sullam Al-Mubtadi Cetakan Maktabah Sulayman Mar'ie (Singapura), Cetakan Maktabah Wa Matba'ah Muhammad An-Nahdi Waaw Laduh, Bangkok, Thailand, Cetakan Matba'ah Ibn Halabi, Patani, (Thailand) & Percetakan Al- Mu'arif (Pulau Pinang)

(2) Kandungan: Membicarakan aqidah, fiqh dan tasawuf (Saiful Anuar Bin Ismail, 2005)

(3) Terjemahan Tajuk Seperti Berikut :

(a) Sullam (سلم) : Kalimah Bahasa Arab yang bermaksud apa yang digunakan untuk naik ke-tempat yang tinggi iaitu "tangga" ("Al-Mu'jam Al-Wajiz" (1990) – Ibrahim Madkour,

Jumhuriyyah Misr Al-‘Arabiah–Majma’ Al-Lughah Al ‘-Arabiyyah, h. 319. “Mukhtar Al-Sihah” (1993) - Al-Syeikh Al-Imam Muhammad Bin Abi Bakr Bin Abd Al-Qadir Al-Razi, Beirut-Lubnan : Maktabah Lubnan, h. 131. “Mu’jam Al-Wasit” (2004) - Jumhuriyyah Misr Al-‘Arabiah – Majma’ Al-Lughah Al ‘-Arabiyyah Al-Idarah Al - ‘Ammah Li Al- Mu’jamat Wa Ihya Al-Turath, Al-Kaherah : Maktabah Al-Syuruq Al-Dawliyyah, h. 446.
Al-Ra‘id Mu’jam Lughawi ‘Asri (1986) - Jubran Mas‘ud, Beirut-Lubnan :Dar Al-Ilmi Li Al-Malayin, h. 834.

- (b) Al-Mubtadi (المبتدئ) : Kata nama pembuat atau pelaku (Maziah Salleh, 1997) yang berasal dari kata kerja (ابتداء) maksudnya ialah “memulakan sesuatu” (Al-Munjid Fi Al-Lughah Wal A’lam, 1986) dan bermaksud “ orang yang baru belajar atau menuntut ilmu Pengetahuan (Percetakan Al- Mu’arif (Pulau Pinang), h. 1. (t.t)
- (c) Fi (في) : Merupakan Huruf Jar, bermaksud “Di, Pada, Dalam & Di Dalam”.
- (d) Ma‘rifah : Bermaksud “pengetahuan” (Muhammad Idris Abdul Rauf Al-Marbawi – Qamus Idris Al-Marbawi (1935), j. 2, c. 4
- (e) Tariqah : Bermaksud “jalan” (Muhammad Idris Abdul Rauf Al-Marbawi – Qamus Idris Al-Marbawi (1935), j. 1, h. 360, Jubran Mas‘ud – Al-Ra‘id Mu’jam Lughawi ‘Asri (1986), Beirut-Lubnan : Dar Al-Ilmi Li Al-Malayin, j. 2 h. 969, Al-Syeikh Al-Imam Muhammad Bin Abi Bakr Bin Abd Al-Qadir Al-Razi - Mukhtar Al-Sihah (1993) , Beirut-Lubnan : Maktabah Lubnan, h. 164.
- (f) Al-Muhtadi : Bermaksud “mendapat petunjuk” (Muhammad Idris Abdul Rauf Al-Marbawi – Qamus Idris Al-Marbawi (1935), j. 2, h. 362

(3) Ketebalan : 64 halaman. (Haji Wan Mohd Shaghir Bin Abdullah, 2003).

(4) Ukuran : 27 ×18.6 cm. (Haji Wan Mohd Shaghir Bin Abdullah, 2003).

(5) Klasifikasi : Kandungan buku Sullam Al-Mubtadi secara umumnya terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu aqidah, fiqh dan tasawuf (Saiful Anuar Ismail, 2005). Ketiga-tiga bahagian utama ini dibincangkan secara asas atau pokok sahaja tetapi ia merangkumi aspek kehidupan manusia (Rormuelee Lengsueni (2010).

Di bahagian permulaan kitab Sullam Al-Mubtadi ini, Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani ada menyebut tentang definisi kitab ini iaitu :

”وَسَمِيتُهَا سَلْمًا الْمُبْتَدِئَ فِي مَعْرِفَةِ طَرِيقَةِ الْمُهَتَّدِي“

Maksudnya : Dan aku namakan dia “Sullam Al-Mubtadi” Pada Menyatakan Jalan Orang Yang Mendapat Petunjuk (Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani, t.t)

Melihat kandungan kitab Sullam Al-Mubtadi, ianya terdapat 1 bab sahaja iaitu “Bab Fil ‘Aqidah” dan terbahagi kepada 16 buah Kitab serta mempunyai 78 Fasal bagi keseluruhannya. (Rormuelee Lengsueni (2010). Dalam “Bab Fil ‘Aqidah” ianya membicarakan tentang rukun Islam dan Iman. Mengenai rukun Islam ianya menghuraikan dan memperincikan makna yang luas tentang maksud kalimah syahadat itu sendiri supaya manusia dapat beritiqad dengan betul dan tepat menurut landasan-lendasn Islam. Manakala rukun iman pula menghuraikan serba ringkas seperti kewajipan percaya pada Malaikat, Rasul, Kitab, hari Qiamat dan sebagainya (Rormuelee Lengsueni (2010). Kitab Sullam Al Mubtadi mempunyai 16 pembahagian Kitab. Kitab-kitab tersebut ialah seperti berikut:

- (1) Kitab yang pertama
 - Kitab As – Solah (Solat). Terdapat 18 fasal yang terkandung di dalamnya termasuk muqaddimah (pengenalan tajuk kitab)
- (2) Kitab yang kedua
 - Kitab Az - Zakah (Zakat). Terdapat 1 fasal yang terkandung di dalamnya termasuk muqaddimah (pengenalan tajuk kitab)
- (3) Kitab yang ketiga

- Kitab As - Siyam (Puasa). Terdapat 2 fasal yang terkandung di dalamnya termasuk muqaddimah (pengenalan tajuk kitab)
- (4) Kitab yang keempat
 - Kitab An – Nusuk (Ibadah Haji & Umrah). Terdapat 4 fasal yang terkandung di dalamnya termasuk muqaddimah (pengenalan tajuk kitab)
- (5) Kitab yang kelima
 - Kitab Al – Udhiyyah Wa Al – ‘Aqiqah Wa Az – Zabaih. Terdapat 1 fasal yang terkandung di dalamnya termasuk muqaddimah (pengenalan tajuk kitab)
- (6) Kitab yang keenam
 - Kitab Al-Bay’ – (Jual Beli). Terdapat 15 fasal yang terkandung di dalamnya termasuk muqaddimah (pengenalan tajuk kitab)
- (7) Kitab yang ketujuh
 - Kitab Ahkam Al- Faraid Wa Al-Wasoya - (Hukum Hukum Faraid (Pembahagian Harta Pusaka & Wasiat). Terdapat 2 fasal yang terkandung di dalamnya termasuk muqaddimah (pengenalan tajuk kitab)
- (8) Kitab yang kelapan
 - Kitab An – Nikah - (Pernikahan). Terdapat 8 fasal yang terkandung di dalamnya termasuk muqaddimah (pengenalan tajuk kitab)
- (9) Kitab yang kesembilan
 - Kitab Al- ‘Iddah - (Tempoh Idah). Terdapat 3 fasal yang terkandung di dalamnya termasuk muqaddimah (pengenalan tajuk kitab)
- (10) Kitab yang kesepuluh
 - Kitab Al- Jinayah - (Jenayah). Terdapat 2 fasal yang terkandung di dalamnya termasuk muqaddimah (pengenalan tajuk kitab)
- (11) Kitab yang kesebelas
 - Kitab Al-Hudud – (Hukum Hudud). Terdapat 4 fasal yang terkandung di dalamnya termasuk muqaddimah (pengenalan tajuk kitab)
- (12) Kitab yang kedua belas
 - Kitab Al - Jihad (Jihad). Terdapat 2 fasal yang terkandung di dalamnya termasuk muqaddimah (pengenalan tajuk kitab)
- (13) Kitab yang ketiga belas
 - Kitab As – Sabq Wa Ar – Ramy - (Lumbaan & Memanah). Terdapat 1 perenggan muqaddimah sahaja dalam bab ini tanpa pembahagian fasal. Merupakan tajuk yang paling ringkas penerangannya.
- (14) Kitab yang keempat belas
 - Kitab Al- Iman Wa An- Nazar – (Iman & Nazar). Terdapat 1 fasal yang terkandung di dalamnya termasuk muqaddimah (pengenalan tajuk kitab)
- (15) Kitab yang kelima belas
 - Kitab Al- Qada’ Wa As- Syahadat – (Qadi Hakim & Saksi). Terdapat 3 fasal yang terkandung di dalamnya termasuk muqaddimah (pengenalan tajuk kitab)
- (16) Kitab yang keenam belas
 - Kitab Al-‘itq – (Merdeka). Terdapat 9 fasal yang terkandung di dalamnya termasuk muqaddimah (pengenalan tajuk kitab)

Di bahagian akhir kitab ini dapat kita melihat tentang kata pujangga yang dikarang oleh Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani berbentuk puisi. Ia juga memberi satu gambaran tentang kebijaksanaan dan kepintaran Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani dalam menyusun tulisan puisi iaitusatu kesenian dalam bahasa Melayu. Puisi tersebut ditulis berbentuk gabungan bahasa Melayu dengan bahasa Arab (Abu Hassan Sham (1991). Kitab ini diakhiri dengan nasihat kepada para pembaca agar mereka melakukan perkara-perkara yang baik dan menjauhkan diri daripada perkara yang jahat (maksiat) zahir dan batin. Bahagian ini mengandungi unsur-unsur Tasawuf terutama bersifat etika ‘ubudiyyah (Abu Hassan Sham (1991).

(6) Gaya Bahasa :Dari segi gaya bahasa, kitab Sullam Al-Mubtadi ini telah ditulis dalam tulisan Jawi. Dalam kitab ini juga (Muhammad Zaini Bin Yahya (2001) Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani menggunakan bahasa yang mudah dan senang untuk difahami oleh masyarakat pada zaman itu walaupun hakikatnya sukar bagi masyarakat sekarang kerana susunan bahasa yang diguna pakai oleh beliau adalah terikat dengan gaya bahasa Arab.

Menurut kajian melalui temubual yang dilakukan oleh Saiful Anuar Ismail (2005) kepada Ustaz Wan Mohd Saghir Bin Abdullah (seorang cendekiawan yang arif dan pakar dalam kajian ulama di asia tenggara) di Khazanah Fathaniyah (Taman Melewar, Batu Caves) dalam memahami konteks makna sebenar perkataan – perkataan di dalam kitab Sullam Al-Mubtadi bahawa memang terdapat perkataan jawi klasik lama yang masyarakat sekarang mungkin susah untuk faham. Antaranya ialah :

- (a) Perkataan (تیاتر هوری) . Apabila masyarakat membaca perkataan ini, mungkin masyarakat akan membacanya seperti “teater hurai” atau pun “teater huri” dan nada segelintir akan membacanya “teater hura” kerana menganggap mungkin ia berasal daripada kalimah Arab. Tetapi maksud sebenar bagi perkataan ini ialah : “Tiada terhurai”
- (b) Perkataan (بیهود) . Begitu juga bagi perkataan ini, ada yang membacanya seperti “yahudi ” kerana kedudukannya yang berdekatan antara satu-satu perkataan ini. Tetapi maksud yang jelas dan tepat disini ialah “bahawa di”

Terdapat juga dua kalimah yang digabungkan menjadi satu kalimah secara serentak dalam kitab Sullam Al-Mubtadi (Saiful Anuar Ismail (2005) . Contohnya seperti yang tertulis di dalam Kitab Al-Bay’ (Jual Beli & Fiqh Mua’malat) iaitu :

- (a) (دمکنلاك) - Demikian Lagi
(b) (بغصنون) - Yang Disifatkan

(7) Tarikh Karya Selesai Ditulis : Kitab ini dipercayai ditulis semasa Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani berada di Taif (Joni Tamkin Borhan (2001) dan diselesaikan di Mekah pada hari Isnin, 13 Rejab 1252 H/ 1836 M (Wan Mohd Shaghir Abdullah (2003). Ada juga pendapat lain mengatakan ianya diselesaikan di Mekah pada 19 Zulhijjah 1252 H (Wan Mohd Shaghir Abdullah (1990).

(8) Edisi Cetakan : Terdapat pelbagai edisi cetakan bagi kitab Sullam Al-Mubtadi karangan Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani antaranya ialah :

- (a) Cetakan Mathba’ah al-Muhammadiyah, al-Waqi’ah Fi Bombay, bulan Zulqa’idah, 1320 H. Cetakan ini dengan ukuran kecil iaitu 21.5×14.8 cm, tebal 190 halaman. (Wan Mohd Shaghir Abdullah (2003).
(b) Cetakan Mathba’ah al-Hasaniyah (Bombay) pada 1311 H (Annabel Teh Gallop, 2014)
(c) Mulai cetakan yang tersebar luas ialah oleh Mathba’ah al-Miriyah al-Kainah, Makkah, 1332 H. Dicetak atas zimmah Syeikh ‘Abdullah Daud, Syeikh Muhammad Nur Daud kedua-duanya anak Syeikh Muhammad (bin Ismail) Daud al-Fatani. Tercatat pada halaman depan bahawa hak mencetak milik ahli waris dengan register pada peraturan Majlis Idarah al-Wilayah, tarikh 15 Mac 1326 H nombor 8. Nama ahli waris yang terdaftar ialah Syeikh ‘Abdullah Daud dan Syeikh Muhammad Nur Daud, kedua-duanya anak Syeikh Muhammad Daud al-Fatani. Kitab ini termasuk kitab yang banyak kali dicetak dan terdapat berbagai-bagai edisi cetakan (Wan Mohd Shaghir Bin Abdullah, 2003 & Saiful Anuar Ismail, 2005).
(d) Cetakan Matba’ah Ibn Halabi, Fatani, Thailand (Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani, t.t)
(e) Percetakan Al – Muarif Sdn Bhd, Pulau Pinang (Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani, t.t)
(f) Maktabah Sulayman Mar’ie (Singapura, Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani, t.t) (Joni Tamkin Borhan. 2001)

(9) Pentashih Kandungan Kitab : Syeikh Daud bin Ismail al-Fatani. (Wan Mohd Shaghir Bin Abdullah, 2003)

(10) Pentashih Tajuk Kitab : Al-Haj Ilyas Al-Azhari (Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani, t.t)(11) Hubungan Antara Kitab Sullam Al-Mubtadi Fi Ma’rifah Tariqah Al-Muhtadi Dan Kitab Sullam Al-Mubtadi Fi Bayan Tariq Al-Muhtadi adalah seperti berikut :

- (a) Hubungan Perbezaan (Tiada Perbezaan Kecuali Berbeza Hanya Dari Segi Muka Surat Depan) : Perbezaan ini hanya dari segi muka surat sahaja iaitu dari segi nama tajuk yang ditulis di hadapan kitab. Adapun dari segi isi kandungannya adalah sama iaitu tidak ada perbezaan (Rormuelee Lengsueni (2010))
(b) Hubungan Persamaan : Pada muqaddimah kitab, Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani telah menyatakan nama tajuk kitabnya. Katanya :

”وسميتها سلم المبتدى فى معرفة طرفة المهندى“

Maksudnya : Dan aku namakan dia “Sullam Al-Mubtadi” Pada Menyatakan Jalan Orang Yang Mendapat Petunjuk (Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani, t.t)

Tetapi pada bahagian akhir kitabnya, beliau telah menamakan dengan nama yang berlainan daripada nama tajuk di atas. Buktinya ialah :

”نَاهِيَ سَفَرَنَالِهِ مَقْصُودَ قَفْرِيَ الِّي أَلَّهُ تَعَالَى دَاؤِدَ بْنَ عَبْدَ اللَّهِ فَطَانِي درَدَ مُتَرْجِمَهُكَنَ رسَالَةَ يَغْرِي نَمَا سَلَامَ المَبْتَدِيَ فِي بَيَانِ طَرِيقِ الْمَهَنْدِي“

(Telah sempurnalah maksud Faqir Ila Allah Ta’ala Daud Bin Abdullah Al-Fatani daripada menterjemahkan risalah yang bernama Sullam Al-Mubtadi Fi Bayan Tariq Al-Muhtadi

(Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani, t.t)

(12) Tajuk kitab Sullam Al-Mubtadi ini telah ditashih oleh Al-Haj Ilyas Al-Azhari. Beliau memberi nama tajuk kitab tersebut dengan nama Sullam Al-Mubtadi Fi Ma‘rifah Tariqah Al-Muhtadi tetapi asas yang beliau memberi nama tajuk kitab tersebut setakat ini tidak dijumpai (Rormuelee Lengsueni (2010).

(13) Status Kalimah Ma‘rifah & Bayan : Walaupun kalimah Ma‘rifah maknanya tidak sama dengan kalimah Bayan iaitu kalimah Ma‘rifah bererti pengetahuan dan kalimah Bayan bererti menyatakan tetapi kedua-dua kalimah ini tidaklah menjelaskan isi kandungan kitab. Selain itu kemungkinan Syeikh Daud menganggap bahawa kalimah Ma‘rifah seerti dengan kalimah Bayan kerana pada pendahuluan kitab beliau menterjemahkan tajuk “Sullam Al-Mubtadi Fi Ma‘rifah Tariqah Al-Muhtadi” dengan erti Sullam Al-Mubtadi pada menyatakan jalan orang yang dapat petunjuk (Rormuelee Lengsueni (2010).

Dengan perincian penerangan di atas, maka ringkasannya ialah kandungan Kitab Sullam Al-Mubtadi Fi Ma‘rifah Tariqah Al-Muhtadi adalah sama dengan Kitab Sullam Al-Mubtadi Fi Bayan Tariq Al-Muhtadi secara keseluruhannya. Kedua –dua kitab ini didapati dalam bentuk cetakan, manuskrip dan microform. Di perpustakaan negara Malaysia (PNM) terdapat banyak koleksi manuskrip dan microform bagi kitab Sullam Al-Mubtadi Fi Ma‘rifah Tariqah Al-Muhtadi & kitab Sullam Al-Mubtadi Fi Bayan Tariq Al-Muhtadi bertempat di Pusat Manuskrip Melayu (Aras 11), disimpan dengan data rekod yang berbeza seperti berikut :

Sullam Al-Mubtadi Fi Ma‘rifah Tariqah Al-Muhtadi	Sullam Al-Mubtadi Fi Bayan Tariq Al-Muhtadi
MSS 35 (Manuskrip)	MSS 275 (Manuskrip)
MSS 116 (Manuskrip)	MSS 298 (Manuskrip)
MSS 129 (Manuskrip)	MSS 299 (Manuskrip)
MSS 174 (Manuskrip)	MSS 310 (Manuskrip)
MSS 195 (Manuskrip)	MSS 521 (Manuskrip)
MSS 310 (Manuskrip)	MSS 534 (Manuskrip)
MSS 2300 (Manuskrip)	MSS 647 (Manuskrip)
MKM 3906 (Microform)	MSS 712 (Manuskrip)
MSS 4886 (Manuskrip)	MSS 717 (Manuskrip)
	MSS 730 (Manuskrip)
	MSS 768 (Manuskrip)
	MSS 904 (Manuskrip)
	MSS 1089 (Manuskrip)
	MSS 1159 (Manuskrip)
	MSS 1197 (Manuskrip)
	MSS 1205 (Manuskrip)
	MSS 1258 (Manuskrip)
	MSS 1271 (Manuskrip)
	MSS 1345 (Manuskrip)
	MSS 1478 (Manuskrip)
	MSS 1547 (Manuskrip)
	MSS 2004 (Manuskrip)
	MSS 2037 (Manuskrip)
	MSS 2299 (Manuskrip)
	MSS 2300 (Manuskrip)
	MSS 2340 (Manuskrip)
	MSS 2354 (Manuskrip)
	MSS 2359 (Manuskrip)
	MSS 2369 (Manuskrip)
	MSS 2398 (Manuskrip)
	MSS 2427 (Manuskrip)
	MSS 2453 (Manuskrip)
	MSS 2608 (Manuskrip)
	MSS 3040 (Manuskrip)
	MSS 3118 (Manuskrip)
	MSS 3364 (Manuskrip)

Jadual 1: Koleksi Kandungan Kitab Sullam Al-Mubtadi Fi Ma'rifah Tariqah Al-Muhtadi

(14) Kriteria mazhab Fiqhiyyah: Kitab Sullam Al-Mubtadi Fi Ma'rifah Tariqah Al-Muhtadi dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu melalui bab ilmu Aqidah, bab ilmu Fiqh dan bab ilmu Tasawuf. Melihat kepada bab ilmu Fiqh, kitab ini ternyata merupakan kitab yang menggunakan fiqh mazhab Shafie. Sebagai bukti, pada halaman ke 46 yang ditashih oleh al-Haj Ilyas Al-Azhari iaitu di bahagian akhir kitab Sullam Al-Mubtadi katanya :

(فَقَدْ تَمَ بِحَمْدِهِ تَعَالَى طَبْعُ كِتَابِ سَلْمَ الْمُبْتَدَى فِي مَعْرِفَةِ طَرِيقَةِ الْمَهْدَى وَهُوَ كِتَابٌ يَحْتَوِي عَلَى قَوَاعِدِ الدِّينِ عَلَى طَرِيقَةِ أَهْلِ السُّنْنَةِ وَالْجَمَاعَةِ وَعَلَى مَا يَلْزَمُ الْإِنْسَانَ مَعْرِفَتَهُ مِنَ الْفَرْوَعَ عَلَى مَذَهَبِ الشَّافِعِيِّ رَحْمَهُ اللَّهُ)

Maksudnya : (Segala puji bagi Tuhan Yang Maha Esa, telah dicetak kitab Sullam Al-Mubtadi Fi Ma'rifah Tariqah Al-Muhtadi iaitu sebuah kitab yang mengandungi peraturan agama mengikut kaedah Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan tentang apa yang perlu diketahui oleh seseorang dari cabang-cabang menurut mazhab Shafie, semoga Allah merahmatinya).

Sheikh Daud Al-Fatani adalah seorang yang mengikut mazhab Shafie (Ahmad Sharifuddin Mustapha et al. 2020). Oleh kerana pengajian Fiqh pada zaman itu mereka tidak merujuk kepada sumber asalnya semata-mata iaitu Al-Quran dan As-Sunnah sebaliknya mereka merujuk kepada pandangan-pandangan para ulama madhhabiyyah, termasuk ulama mazhab Shafie (Abdul Rahman Haji Abdullah. 1990).

PENUTUP

Penulisan karya-karya ulama Patani dalam pelbagai bidang ilmu masih berpengaruh terhadap pendidikan alam Melayu khususnya kitab Sullam Al-Mubtadi karangan Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani ini telah dan sedang digunakan secara berterusan sebagai sumber rujukan dan buku teks kepada pelajar-pelajar yang belajar di institusi pondok dan juga kepada para penuntut ilmu di surau, masjid dan di rumah kediaman tersendiri amnya. Malah pada masa yang sama karya-karya mereka menjadi rujukan kepada para cendekiawan dan menjadi bahan kajian kepada mahasiswa-mahasiswa yang belajar di peringkat universiti, sama ada universiti tempatan atau luar negara. Ini menunjukkan sumbangan yang amat besar peranan ulama dalam memupuk ilmu pengetahuan dan pembangunan insan khususnya dalam membangunkan masyarakat Melayu di Nusantara. Dapatkan kajian ini jelas telah menjawab dengan terperinci 2 tujuan utama kajian iaitu penelitian fakta sejarah dan spesifikasi kitab turath jawi "Sullam Al-Mubtadi Fi Ma'rifah Tariqah Al-Muhtadi" karangan Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani yang masih menjadi rujukan di pelbagai institusi ilmuan dan pendidikan seperti yang telah disebut di atas.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1990. Pemikiran Umat Islam Di Nusantara Sejarah Dan Perkembangannya Hingga Abad Ke-19. Pulau Pinang. Pusat Pengajian Luar Kampus Universiti Sains Malaysia & Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdul Karim Pardon & Muhd Anuar Bin Mamat. 2019. Perkembangan Penulisan Kitab Fiqh Jawi: Suatu Pengenalan Terhadap Kitab Talkhiṣ Al-Falah Fi Bayan Ahkam Al-Talaq Wa Al-Nikah. Prosiding Seminar Tamadun, Etnik Dan Turath Islami. Anjuran Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia. Pp. 284-290.
- Abu Hasan Sham. 1991. Pengaruh Karya-Karya Syeikh Daud Al-Fatani Dalam Sastera Melayu. Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Keempat Syeikh Daud Abdullah Al-Fatani. Dewan Muktamar Pusat Islam Malaysia. Kuala Lumpur. 17-19 Disember 2021.
- Ahmad Sharifuddin Mustapha, Abdul Karim Ali, Nur Zainatul Nadra Zainol & Intan Farhana Saparudin. 2020. Tokoh Ulama Nusantara: Sumbangan Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani (1769-1847m) Dalam Fiqh al-Shafie. Journal Of Social Transformation And Regional Development Special Issue (1) 2: 92-100
- Al-Munjid Fi Al-Lughah Wa Al-'Alam. 1998. C. 36. Beirut-Lubnan: Dar Al- Masyriq
- Baalbaki, Munir. 2001. Al-Mawrid al-Quareeb. Lebanon: Dar al-'Ilm li al-Malayin. Beirut.
- Engku Ibrahim Ismail. 1992. Syeikh Daud Al-Fatani:Satu Analisis Peranan Dan Sumbangannya Terhadap Khazanah Islam di Nusantara. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Hajah Noresah Baharom. 2007. Kamus Dewan (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hasan Hamzah (1997). Kamus Ensiklopedia Jilid 2. Kuala Lumpur : Anzagain Sdn. Bhd.
- Ismail Che Daud. 1992. Tokoh Ulamak Semenanjung Malaysia (1), Kota Bharu: Percetakan Nik Daud. H. 15
- Jubran Mas'ud. 1986. Al-Ra'id Mu'jam Lughawi Asri. C.5. Beirut-Lubnan. Dar Al-Ilmi Li Al-Malayin.
- Jumhuriyyah Misr Al-Arabiyyah Majma' Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Idarah Al-'Ammah Li Al-Mu'jamat Wa Ihya' Al-Turath. 2004. Mu'jam Al-Wasit. C.4. Al-Kaherah: Maktabah -Syuruq Al-Dawliyyah.

- Madkour, Ibrahim. 1990. Al-Mu'jam Al-Wajiz".Jumhuriyyah Misr Al-'Arabiah-Majma' Al-Lughah Al 'Arabiyyah, H. 319.
- Mahayudin Hj. Yahaya. 1984. Pengertian Sejarah Islam dan Permasalahannya. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid & Paizah Ismail. 2006. Pengantar Pengajian Syariah. Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation Sdn Bhd.
- Marbawi, Muhammad Idris Abdul Rauf. 1935. Qamus Idris Al-Marbawi. J.1, C.4, Mesir: Matba'ah Mustafa Al-Babi Al-halabi Wa Awladuh.
- Marbawi, Muhammad Idris Abdul Rauf. 1935. Qamus Idris Al-Marbawi. J.2, C.4, Mesir: Matba'ah Mustafa Al-Babi Al-halabi Wa Awladuh.
- Maziah Salleh. 1997. Manuskip Sullam Al-Mubtadi Fi Bayan Tariq Al-Muhtadi: Transliterasi Dan Analisis Teks. Latihan Ilmiah, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohammad Zaini Yahya. 2001. Penulis Fiqh Syeikh Daud Al-Fatani. Nadwah Ulama' Nusantara 1: 19-20 Mei 2001. Kolej Pengajian Islam Prince Of Songkla University Kampus Pattani. Thailand.
- Mohammad Zamperi Abdul Malik. 1994. Patani Dalam Tamadun Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd. Faisal Mohamed, Mualimin Mochammad Sahid & Mohamad Zaharuddin Zakaria. 2017. Rukun-Rukun Al-Bay' Dan Al- Ijarah Dalam Kitab Sullam Al-Mubtadi Karangan Syeikh Daud Al-Fatani : Analisis Dari Perspektif Maqasid Al-Syariah. Malaysian Journal Of Syariah And Law.
- Muhammad Nur Bin Muhammad Bin Ismail Al-Fatani. 1351H. Kifayah Al-Muhtadi Pada Menerangkan Cahaya Sullam Al-Mubtadi. Bangkok. Thailand: Maktabah Wa Matba'ah Muhammad Al-Nahdi Wa Awladuh.
- Muhd Yusof Ibrahim. 1998. Falsafah Sejarah : Perkembangan Dan Kewajaran. (Kertas Kerja Simposium Kebangsaan Ilmu Sejarah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial. Universiti Malaya. Kuala Lumpur. 30-31 Okt 1998). Paper 1, H.2.
- Nawi Mamat. 2002. Tahqiq Kitab Ghayat Al-Maram Mengenai Haji Dan Umrah Karangan Syeikh Daud Abdulla Al-Fatani. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya.
- Razi, Al-Syeikh Al-Imam Muhammad Bin Abi Bakr Bin Abdul Qadir. 1993. Mukhtar Al-Sihah. Beirut-Lubnan: Maktabah Lubnan.
- Rormuelee Lengsueni. 2010. Kitab Sullam Al-Mubtadi Fi Ma'rifah Tariqah Al-Muhtadi Karangan Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani: Tahqiq Dan Analisis". Disertasi Sarjana. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Saiful Anuar Ismail. 2005. Kajian Dan Ulasan Kitab Sullam Al-Mubtadi Fi Ma'rifah Tariqah Al-Muhtadi Karangan Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani. Latihan Ilmiah. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Siti Nor Aisyah Ngadiran. 2012. Konsep Sejarah Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas: Kajian Terhadap Karya-Karya Terpilih/Siti Nor Aisyah Binti Ngadiran. Disertasi Sarjana. University Malaya).
- Syed Salim Syed Shamsuddin, Muhammad Farid Wajdi Ab. Rahim, Abdul Karim Bin Pardon & Mohd Faisal Mohamed. 2020. Kitab Turath Fiqh Syafie Jawi Sebagai Medium Lmu Fardu Ain Di Malaysia: Analisis Metodologi Penulisan Kitab Hidayat Al-Sibyan Fi Ma'Rifat Al-Islam Wa Al-Iman. Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (International Seminar On Islam & Science (Sais, 2020). Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. 1990, Sheikh Daud Bin Abdullah Al Fatani: Ulama' Dan Pengarang Terulung Asia Tenggara. Shah Alam. Penerbitan Hizbi.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. 1991. Sejarah Ringkas Syeikh Daud Bin Abdullah Al- Fatani Dan Karya-Karyanya. Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama' Peringkat Kebangsaan Kali Ke-IV, 17-19hb Disember 1991. Dewan Muktamar, Pusat Islam Malaysia. Kuala Lumpur.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. 2003. Kertas Kerja Majlis Tazkirah Tokoh Islam Syeikh Daud Al-Fatani Kali ke II. Pada 28 April 2003. Dewan Sekolah Menengah Sains Muar, Tanjung Agas, Muar, Johor. Anjuran Jabatan Agama Islam Johor.
- Winstedt, R. O. 1970. Kamus Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Marican & Sons Sdn Bhd.
- Zamri Ghazali. 2011. Konsep Perkahwinan Mengikut Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani Kitab Idah Al-Albab. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.